

# Tiada pilihan raya kecil pilih MB

BH 1 2 AUG 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat – Barisan Nasional (BN) tidak bercadang mengadakan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri bagi melantik Menteri Besar Selangor yang baru.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan meneliti senarai 11 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) yang dikemukakan kepadanya untuk dipilih sebagai Menteri Besar Selangor.

“Daripada nama itu, insya-Allah mungkin ada yang dilantik menjadi menteri besar.

“Yang penting Perhubungan Umno Selangor sudah membuat keputusan menerima siapa saja yang dipilih oleh pucuk pimpinan parti,” katanya kepada pemberita selepas majlis penerangan kepada biro politik Umno oleh Perdana Menteri, di Pusat Perdagangan Dunia Putra, petang ini.

Abdullah juga berkata, isu hendak menjatuhkan bekas Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar, tidak timbul lagi kerana beliau sudah pun meletak jawatan.

“Kita hormati ketegasan dan keprihatinan Abu Hassan terhadap masalah yang dihadapi dan keputusannya meletak jawatan.

“Kita mengucapkan terima kasih kerana sepanjang kepemimpinannya, Selangor terus mencapai pembangunan pesat, termasuk pembukaan Putrajaya dan Cyberjaya,” katanya.

Mengenai tuduhan dalam surat layang, Abdullah berkata beliau tidak

ingin membuat kenyataan dan tuduhan itu tidak harus menjadi persoalan lagi kerana Abu Hassan sudah berhenti.

Di IPOH, Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunus, berkata Abu Hassan Omar mangsa ‘pembunuhan karektor’ menerusi penyebaran surat layang dan amalan memfitnah yang masih berlaku di negara ini.

Katanya, negara akan kehilangan lebih ramai pemimpin jika amalan surat layang dan fitnah bagi menjatuhkan maruah serta kedudukan pemimpin terus berleluasa.

“Hari ini kita kehilangan Abu Hassan. esok tak tahu siapa pula. brang (pemimpin) pun jemu, jadi ‘throw in the towel’ (menyerah kalah). Buang masa...kita buat kerja betul, orang kata tak betul,” katanya di sini, hari ini.

Khalid berkata, Abu Hassan mempertahankan maruahnya dan tindakan meletak jawatan itu bagi menjaga nama baik diri serta keluarga.